

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG  
[ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : 14 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Peguam Negara sejak bulan Ogos lalu telah membuat keputusan mendakwa secara memilih (*selective prosecution*) terhadap orang yang didakwa atas Akta Hasutan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Peguam Negara tidak pernah mengamalkan pendakwaan terpilih (*selective prosecution*) terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 atau di bawah mana-mana akta. Sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa mana-mana individu telah melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948, individu tersebut akan didakwa mengikut peruntukan Akta tersebut tanpa mengira status individu berkenaan. Prinsip yang sama adalah terpakai ke atas penguatkuasaan semua undang-undang jenayah negara ini.

Sekian, terima kasih.